



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH**  
**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN**  
**PENDIDIKAN MORAL**  
**TINGKATAN EMPAT**



PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## **RUKUN NEGARA**

**BAHAWASANYA** negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

**MAKA KAMI**, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut :

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**

**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**

**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**

**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

## KATA PENGANTAR

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan kandungan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad 21.


Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharap dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharap dapat memberi penekanan kepada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, teori kecerdasan pelbagai, pembelajaran mastery, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran secara konstruktivisme, dan pembelajaran akses sendiri. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberi keyakinan kepada murid dan diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Dalam melaksanakan mata pelajaran Pendidikan Moral, guru perlu peka terhadap pembinaan akhlak dengan mengambil kira perkembangan pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral. Pengajaran dan pembelajaran hendaklah dilakukan secara berkesan dengan memberi tumpuan kepada penglibatan murid secara aktif dalam suasana yang kondusif dan menggembirakan.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran ini, banyak pihak terlibat terutamanya guru, pensyarah maktab dan universiti serta pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.



**Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BINTI SYED ZIN**  
Pengarah  
Pusat Perkembangan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**KANDUNGAN**

RUKUN NEGARA	i	BIDANG PEMBELAJARAN 3 : Nilai Berkaitan Dengan Alam Sekitar	21
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	ii	BIDANG PEMBELAJARAN 4 : Nilai Berkaitan Dengan Patriotisme	25
KATA PENGANTAR	iii	BIDANG PEMBELAJARAN 5 : Nilai Berkaitan Dengan Hak Asasi Manusia	29
KANDUNGAN	iv	BIDANG PEMBELAJARAN 6 : Nilai Berkaitan Dengan Demokrasi	35
PENDAHULUAN	1	BIDANG PEMBELAJARAN 7 : Nilai Berkaitan Dengan Keamanan dan Keharmonian	40
HURAIAN SUKATAN PELAJARAN	3		
PEMUPUKAN KEMAHIRAN MENERUSI PENDIDIKAN MORAL	7		
BIDANG PEMBELAJARAN 1 : Nilai Berkaitan Dengan Perkembangan Diri	9		
BIDANG PEMBELAJARAN 2 : Nilai Berkaitan Dengan Kekeluargaan	17		

## PENDAHULUAN

*Takrifan Pendidikan Moral* Pendidikan Moral ialah satu program yang mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral atau berakhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral.

Pendidikan Moral di sekolah menengah memberi tumpuan kepada usaha memupuk kekuatan kerohanian dan kemoralan murid melalui penghayatan dan amalan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum di negara ini. Dengan itu murid dapat membina satu panduan hidup yang membolehkan mereka menjadi insan yang bermoral. Ini membolehkan mereka menjadi individu yang bertanggungjawab moral dan sosial terhadap segala keputusan dan tindakan yang dilakukan.

Beberapa prinsip utama telah dikenal pasti sebagai panduan dalam melahirkan insan yang menyeluruh dari segi jasmani, intelek, emosi, rohani dan sosial.

Prinsip-prinsip itu adalah :

- bertanggungjawab pada diri, keluarga dan orang lain;
- berpegang teguh pada ajaran agama;
- prihatin kepada alam sekitar;
- mengekalkan keamanan dan keharmonian hidup;
- bersemangat patriotik;

- menghormati hak asasi manusia; dan
- mengamalkan prinsip demokrasi dalam kehidupan.

Pemilihan prinsip-prinsip di atas dilakukan untuk merealisasikan semangat dan hasrat yang terkandung dalam Rukun Negara, Wawasan 2020 dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## KANDUNGAN SUKATAN PELAJARAN

*Tujuh Bidang Pembelajaran*


Untuk membolehkan murid memahami, menghayati serta mengamalkan prinsip-prinsip tersebut, sebanyak **Tujuh bidang pembelajaran** telah dikenal pasti dan nilai-nilai moral disampaikan menerusi bidang pembelajaran tersebut. Selain aspek kerohanian dan kemanusiaan, bidang pembelajaran itu juga menekankan aspek kemasyarakatan dan kebudayaan. Bidang pembelajaran tersebut adalah seperti berikut :

1. Nilai berkaitan dengan **Perkembangan Diri**.
2. Nilai berkaitan dengan **Keluargaan**
3. Nilai berkaitan dengan **Alam Sekitar**
4. Nilai berkaitan dengan **Patriotisme**
5. Nilai berkaitan dengan **Hak Asasi Manusia**
6. Nilai berkaitan dengan **Demokrasi**
7. Nilai berkaitan dengan **Keamanan Dan Keharmonian**

*Rangka  
Konsep*

Pengajaran nilai harus berfokus pada Model Insan Menyeluruh yang meliputi tiga dimensi moral yang saling berkaitan. (Rajah 1 : Model Insan Menyeluruh). Perwatakan yang positif harus terdiri daripada tiga dimensi moral ini, iaitu pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral. Pendidikan Moral yang efektif seharusnya membantu murid supaya memahami nilai-nilai moral, menerima dan menunjukkan komitmen terhadapnya, serta mengamalkannya dalam kehidupan harian. Ketiga-tiga dimensi ini perlu untuk membolehkan seseorang murid mencapai tahap kematangan moral.

Teori perkembangan moral yang sebaik-baiknya ialah yang mempertimbangkan ketiga-tiga dimensi ini, iaitu pemikiran moral, perasaan moral dan tindakan moral. Perkembangan moral yang meliputi ketiga-tiga dimensi ini akan menyubur dan merangsangkan lagi kesedaran hati nurani yang menyebabkan insan berkenaan berasa gembira membuat apa yang betul dan berasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak betul atau tidak bermoral. Program Pendidikan Moral ini tidak seharusnya mengabaikan aspek kesedaran hati nurani yang berfungsi menyepadukan ketiga-tiga dimensi moral tersebut.



**RAJAH 1 : MODEL INSAN MENYELURUH**

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

*Matlamat Pendidikan Moral* Kurikulum Pendidikan Moral bermatlamat membentuk individu yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global.

*Objektif Pendidikan Moral* Objektif Pendidikan Moral adalah untuk membolehkan murid :

1. Memahami dan menghayati nilai-nilai yang diperlukan untuk berakhlak mulia;
2. Menyedari dan menerima kepentingan keharmonian antara manusia dengan alam sekitar serta berusaha ke arah mengekalkannya;
3. Meningkatkan persefahaman dan kerjasama bagi mengekalkan keamanan dan keharmonian hidup dalam negara Malaysia yang demokratik;
4. Mengembangkan pemikiran yang matang berasaskan nilai moral dan kerohanian dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah; dan
5. Mempunyai iltizam untuk mengamalkan perlakuan yang bermoral secara adil dan altruistik selaras dengan nilai murni masyarakat Malaysia.

*Tujuan* Huraian Sukatan Pelajaran disediakan untuk membantu guru merancang aktiviti dan menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan tahap kematangan murid. Buku ini juga menyediakan penerangan untuk membantu guru melaksanakan kurikulum Pendidikan Moral dalam bilik darjah dengan berkesan.

*Penerangan Lajur* Huraian Sukatan Pelajaran mengandungi bidang pembelajaran, nilai, penerangan nilai, kandungan akademik, hasil pembelajaran, dan cadangan aktiviti pembelajaran. Setiap bidang pembelajaran dan nilai diperincikan mengikut tahun. Walaupun bidang pembelajaran dan nilai yang sama diajar pada setiap tahun, skop dan penekanan adalah berbeza kerana isu moral atau kandungan yang dikemukakan semakin kompleks dan mendalam selaras dengan tahap kematangan murid.

*Format Empat Lajur* Huraian Sukatan Pelajaran menggunakan format empat lajur utama, iaitu :

**Lajur Nilai** 1

**Lajur Kandungan Akademik** 2

**Lajur Hasil Pembelajaran** 3

**Lajur Cadangan Aktiviti Pembelajaran** 4

1	2	3	4
5	6	7	8
Nilai	Kandungan Akademik	Bidang Pembelajaran	Kandungan Aktiviti Pembelajaran
<p>3.1 KEPERCAYAAN KEPADA ALAM</p> <p>Kegiatan: Wujudnya alam sebagai penciptaan dan memelihara segala makhluknya berlandaskan agapan agama masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.</p>	<p>Mendeskripsikan aspek alam semesta berdasarkan penerapannya.</p> <p>Menyebutkan tanggungjawab sebagai makhluk.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Beranggugjawab terhadap alam sekitar dan orang lain.</li> <li>Tidak melakukan sesuatu yang tidak baik kepada orang lain atau alam sekitar.</li> </ul>	<p>Menyebutkan konsep alam semesta.</p> <p>Menyebutkan tanggungjawab sebagai makhluk berlandaskan agapan agamanya.</p>	<p>1. Mengaji dan memahami mesej mesej Tuhan dalam Al-Quran.</p> <p>2. Meneliti dan memahami mesej mesej Tuhan yang terkandung dalam kitab-kitab suci.</p> <p>3. Menghormati dan mengamalkan ajaran agama.</p> <p>4. Menghormati dan mengamalkan ajaran agama.</p> <p>5. Menghormati dan mengamalkan ajaran agama.</p> <p>6. Menghormati dan mengamalkan ajaran agama.</p> <p>7. Menghormati dan mengamalkan ajaran agama.</p> <p>8. Menghormati dan mengamalkan ajaran agama.</p>

Lajur Nilai Dalam lajur ini disenaraikan nilai-nilai yang terkandung di bawah Bidang Pembelajaran. Setiap nilai disertakan penerangannya **5** yang dipetik daripada Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (Semakan).

Lajur Kandungan Akademik Bagi setiap nilai disediakan kandungan akademik yang diolah bersesuaian dengan kebolehan dan tahap kematangan murid bermula dari diri, keluarga, masyarakat, negara hingga ke peringkat antara bangsa.

Kandungan akademik bagi setiap tingkatan disusun dengan jelas bermula dengan **tema 6** diikuti oleh **tajuk pengajaran 7** dan **huraian tajuk pengajaran 8** yang disertakan dengan contoh di mana yang perlu bagi memudahkan pengajaran .

Dalam perkembangan kurikulum dan proses pembelajaran, nilai dan kemahiran tidak boleh dipisahkan daripada kandungan atau pengetahuan akademik. Diandaikan bahawa murid akan berfikir secara kritikal serta bertindak lebih efektif terhadap sesuatu isu moral jika mereka dapat mengkaji dan memahami konsep isu itu, asal usulnya dan kesan-kesannya. Dengan adanya kandungan akademik ini, murid dapat mentelaah dan mengkaji bahan pembelajaran secara lebih terperinci. Kandungan akademik yang dimasukkan meliputi pelbagai bidang seperti agama, sejarah, alam sekitar, isu-isu semasa dan dasar-dasar kerajaan. Oleh itu, kandungan akademik harus diajar serta dipelajari bersama nilai dan kemahiran dalam usaha mencapai matlamat pendidikan moral.

Lajur Hasil Pembelajaran

Hasil pembelajaran ialah penerangan atau pernyataan tentang pengetahuan, kemahiran dan sikap yang murid dijangka atau diharap mencapai dalam setiap tahun. **Guru boleh mencerakinkan hasil pembelajaran ini dalam bentuk yang lebih spesifik bersesuaian dengan kandungan yang disampaikan.**

Lajur  
Cadangan  
Aktiviti  
Pembelajaran

Lajur ini memuatkan cadangan aktiviti dan contoh isu atau situasi untuk pengajaran dan pembelajaran. Isu atau situasi yang dikemukakan bukan sahaja yang berkaitan dengan pengalaman diri murid tetapi juga meliputi hubungannya dengan keluarga, komuniti, negara, dan peringkat antarabangsa. **Aktiviti, isu atau situasi tersebut tidak hanya terbatas kepada cadangan yang terdapat dalam Huraian Sukatan Pelajaran ini tetapi guru boleh mengambil contoh lain daripada pelbagai sumber asalkan dapat memperkukuh nilai yang diajar.**

Walaupun fokus pengajaran dan pembelajaran adalah kepada satu nilai, nilai-nilai lain yang sesuai perlu dihubungkan dan digabungkan supaya pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik, berkesan dan menyeluruh. Selain itu, unsur-unsur ilmu daripada pelbagai mata pelajaran lain harus disepadukan dalam merancang aktiviti sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Contoh  
Persembahan  
Laiur

#### TINGKATAN 4

#### BIDANG PEMBELAJARAN 1: Nilai Berkaitan Dengan Perkembangan Diri

#### LAJUR NILAI

**Nilai** : Kepercayaan kepada Tuhan

**Penerangan nilai** :

Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala suruhanNya berlandaskan pegangan agama masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.

#### LAJUR KANDUNGAN AKADEMIK

**Tema** : Manusia diamanahkan untuk mengurus alam dan penghuninya

**Tajuk pengajaran** : Peranan dan tanggungjawab sebagai satu amanah

**Huraian tajuk pengajaran** :

- Sikap bertanggungjawab terhadap setiap tindakan untuk kesejahteraan diri dan orang lain
- Perlakuan yang baik perlu dilakukan oleh setiap individu

#### LAJUR HASIL PEMBELAJARAN

Menerima hakikat bahawa manusia dipertanggungjawab menjaga dan melindungi alam dan penghuninya

#### LAJUR CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN

- Mengkaji kesan tindakan manusia menguruskan alam terhadap penghuninya
- Membincangkan kata-kata hikmat yang bertemakan manusia dan alam daripada Kung Fu Tze, Lao Tze dan Thirukural

PEMUPUKAN KEMAHIRAN MENERUSI PENDIDIKAN MORAL

Kemahiran Utama	Pendidikan Moral memberi peluang kepada murid menguasai kemahiran-kemahiran tertentu seperti kemahiran generik, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran menyelesaikan konflik dan kemahiran sosial. Penguasaan kemahiran-kemahiran ini akan membolehkan murid menghadapi dunia ledakan maklumat dan alaf baru dengan penuh keyakinan dan sikap bertanggungjawab sosial dan moral. Penguasaan kemahiran ini juga akan membantu pembinaan daya tahan dan kebolehan menghadapi segala tekanan dan cabaran hidup di kalangan murid. Mengajar murid kemahiran-kemahiran ini boleh dianggap sebagai satu cara memupuk dan menggalakkan perkembangan moral mereka.	Kemahiran Pemikiran Kreatif	pemikiran kritikal ini juga membantu murid menyelesaikan masalah dan membuat keputusan yang lebih baik dan seterusnya berjaya dalam kerjaya mereka.  Kebolehan berfikir secara kreatif membantu kita mencari dan bertemu dengan cara penyelesaian dan alternatif yang lebih baik ketika menghadapi masalah dan konflik dalam kehidupan. Pendidikan Moral memberi peluang kepada murid untuk berfikir secara kreatif dalam menjalankan aktiviti yang bermanfaat untuk diri sendiri dan orang lain.
Kemahiran Penyelesaian Konflik	Guru boleh mengajar kemahiran penyelesaian konflik yang akan membantu murid membuat keputusan berasaskan nilai dengan mengambil kira perbezaan nilai yang ada pada diri sendiri dan orang lain. Penguasaan kemahiran penyelesaian konflik melalui Pendidikan Moral boleh membantu murid berhubung atau berkomunikasi dengan orang lain secara lebih berkesan dan mengelakkan sebarang konflik.	Kemahiran Menentang Tekanan Rakan Sebaya	Penguasaan kemahiran menentang tekanan rakan sebaya sangat penting dalam pendidikan nilai atau moral, khususnya apabila kemahiran ini digunakan dalam usaha pencegahan salahguna dadah atau sebarang bentuk salah laku yang lain. Mengajar murid menentang tekanan rakan sebaya tidak bermakna mengajar mereka tidak mepedulikan nasihat yang baik daripada rakan sebaya mereka tetapi mengajar murid supaya berfikir, berbincang dengan sumber lain dan mempertahankan nilai moral sendiri.
Kemahiran Pemikiran Kritikal	Guru juga perlu mengajar murid cara menggunakan kemahiran pemikiran kritikal berpandukan pengetahuan moral supaya murid dapat menilai sama ada sesuatu tindakan atau perkara itu bermoral atau tidak. Dalam konteks ini, pengajaran kemahiran ini akan membantu menyemai nilai moral dalam jiwa murid. Kemahiran	Kemahiran Mengkaji Masa Depan	Pendidikan Moral memupuk kemahiran mengkaji masa depan di kalangan murid iaitu pendekatan pembelajaran yang membolehkan murid menyedari tentang isu atau permasalahan yang berlaku pada masa yang lampau, masa kini dan masa depan. Ini membantu murid membuat ramalan, menjangka akibat

serta bersedia menyesuaikan diri terhadap perubahan yang mungkin berlaku.

Kemahiran Teknologi Maklumat Dalam pengajaran Pendidikan Moral, murid diberi kesempatan mencari dan memperoleh sumber-sumber maklumat yang tepat melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi seperti *Internet*, laman *web*, *e-mail*, *CD-Rom* dan sidang telekomunikasi. Aktiviti seperti ini dapat berfungsi sebagai perangsang dan pemangkin kepada perkembangan minda murid. Selain itu melalui Pendidikan Moral, murid-murid dapat membuat pertimbangan dengan mencari maklumat yang positif dan mengelakkan mereka daripada melayari laman-laman web yang berunsur negatif.

Kemahiran Sosial Kemahiran sosial memberi penekanan kepada kebolehan sosial untuk berkomunikasi dengan orang lain dalam sesuatu situasi sosial yang boleh diterima oleh masyarakat dan pada masa yang sama bermanfaat kepada diri dan orang lain. Kemahiran sosial ini boleh diajar dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran.

BIDANG PEMBELAJARAN 1

NILAI BERKAITAN DENGAN  
PERKEMBANGAN DIRI

**BIDANG PEMBELAJARAN 1 : NILAI BERKAITAN DENGAN PERKEMBANGAN DIRI**

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>1.1 Kepercayaan kepada Tuhan</b></p> <p>Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala suruhan Nya berlandaskan pegangan agama masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.</p>	<p><b>Manusia diamanahkan untuk mengurus alam dan penghuninya</b></p> <p>Peranan dan tanggungjawab sebagai satu amanah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sikap bertanggungjawab terhadap setiap tindakan untuk kesejahteraan diri dan orang lain</li> <li>• Perlakuan yang baik perlu dilakukan oleh setiap individu</li> </ul>	<p>Menerima hakikat bahawa manusia dipertanggungjawab menjaga dan melindungi alam dan penghuninya</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengkaji kesan tindakan manusia menguruskan alam terhadap penghuninya</li> <li>ii. Membincangkan kata-kata hikmat yang bertemakan manusia dan alam daripada Kung Fu Tze, Lao Tze dan Thirukural</li> </ul>
<p><b>1.2 Amanah</b></p> <p>Sikap bertanggungjawab yang boleh menimbulkan kepercayaan dan keyakinan orang lain.</p>	<p><b>Sikap amanah sebagai pegangan hidup</b></p> <p>Amalan amanah dalam kehidupan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amalan slogan "Bersih, Cekap dan Amanah" dalam setiap tugas dan tanggungjawab <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jentera pentadbiran</li> <li>- Kegiatan politik</li> </ul> </li> <li>• Amalan amanah mengikut perspektif agama <ul style="list-style-type: none"> <li>- Islam</li> <li>- Buddha</li> <li>- Hindu</li> <li>- Kristian</li> <li>- Sikh</li> </ul> </li> </ul>	<p>Melaksanakan setiap tugas dan tanggungjawab dengan amanah seperti yang dituntut oleh agama</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengadakan forum bertajuk 'Bersih , Cekap dan Amanah' dalam pentadbiran kerajaan dan kegiatan politik</li> <li>ii. Membincangkan amalan amanah mengikut perspektif agama</li> </ul>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>1.3 Harga Diri</b></p> <p>Keupayaan dan keyakinan diri agar mampu memulia dan menjaga maruah diri dalam kehidupan.</p>	<p><b>Kecemerlangan tunggak kehidupan</b></p> <p>Penentuan matlamat hidup yang diinginkan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Matlamat untuk mencapai kesejahteraan hidup                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berjaya</li> <li>- Bahagia</li> </ul> </li> <li>• Pengiktirafan masyarakat kepada individu yang mempunyai harga diri                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sokongan</li> <li>- Galakan</li> </ul> </li> </ul>	<p><b>Menentukan matlamat yang diinginkan untuk mencapai kesejahteraan hidup</b></p>	<p>Menyusun dan membincangkan matlamat hidup yang diinginkan mengikut keutamaan</p>
<p><b>1.4 Bertanggungjawab</b></p> <p>Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.</p>	<p><b>Pengurusan masa, tanggungjawab setiap insan</b></p> <p>Pengurusan masa meningkatkan daya produktiviti diri</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan masa secara bijaksana                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perancangan masa belajar</li> <li>- Perancangan masa untuk aktiviti kokurikulum</li> <li>- Perancangan masa untuk keluarga</li> <li>- Perancangan masa untuk diri (beristirehat dan hobi)</li> </ul> </li> </ul>	<p>Merancang pengurusan masa secara bijaksana dengan penuh tanggungjawab</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membina jadual pengurusan masa mingguan</li> <li>ii. Menghasilkan statistik tentang pengagihan masa Contoh : graf / carta</li> </ul>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>1.5 Hemah Tinggi</b></p> <p>Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan seharian.</p>	<p>Amalan berhemah tinggi pemangkin tindakan yang bijaksana</p> <p>Tindakan yang bijaksana melalui pendekatan berhemah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ramah mesra tanpa mengira status</li> <li>• Usaha Menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi</li> </ul>	<p>Sentiasa berlaku sopan dalam setiap tindakan</p>	<p>Membincangkan ciri-ciri kesopanan seseorang individu dalam pelbagai situasi</p> <p>Contoh : Ketika menghadiri upacara kelahiran, perkahwinan dan pengebumian</p>
<p><b>1.6 Toleransi</b></p> <p>Kesanggupan bertolak ansur, sabar dan mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan dan perselisihan faham demi kesejahteraan hidup.</p>	<p>Toleransi asas perpaduan perpaduan kaum</p> <p>Toleransi mewujudkan perpaduan masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amalan hidup pelbagai kaum dihormati             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Agama / Kepercayaan</li> <li>- Cara hidup</li> <li>- Adat resam</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menghormati amalan hidup pelbagai kaum</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Membincangkan contoh-contoh adat resam dan kepercayaan pelbagai kaum berkaitan dengan kelahiran, perkahwinan dan kematian</li> <li>ii. Sketsa tentang adat resam perkahwinan sesuatu kaum</li> </ol>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>1.7 Berdikari</b></p> <p>Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain.</p>	<p><b>Amalan berdikari pemangkin pembangunan negara</b></p> <p>Ilmu menjana masyarakat berdikari</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Masyarakat berilmu yang berdikari membantu membangunkan negara</li> <li>- Pendidikan</li> <li>- Sains dan teknologi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyedari kepentingan berilmu supaya dapat membantu hidup berdikari</li> <li>ii. Berusaha menuntut ilmu untuk hidup berdikari</li> </ul>	<p>Sumbang saran tentang kepentingan mendapatkan ilmu untuk membantu hidup berdikari</p>
<p><b>1.8 Kerajinan</b></p> <p>Usaha yang berterusan penuh dengan semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi dan berdaya maju dalam melakukan sesuatu perkara.</p>	<p><b>Kecekalan membawa kejayaan dalam hidup</b></p> <p>Berkat cecal dan yakin dalam menghadapi segala rintangan akan menghasilkan kejayaan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cecal menghadapi dugaan dan cabaran kunci kejayaan</li> <li>- Penjelajah</li> <li>- Perekacipta</li> <li>- Penemu</li> </ul>	<p>Berkeyakinan dan tabah menghadapi dugaan dan cabaran untuk mencapai kejayaan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membuat satu lakaran untuk menggambarkan konsep kerajinan dan mempamerkan lakaran di papan kenyataan kelas</li> <li>ii. Menghasilkan folio tentang penjelajah / perekacipta / penemu</li> </ul>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>1.9 Kasih Sayang</b></p> <p>Kepekaan dan perasaan cinta yang mendalam serta berkekalan yang lahir daripada hati yang ikhlas.</p>	<p><b>Ilmu yang bermanfaat boleh mengukuh kasih sayang</b></p> <p>Manusia yang menyayangi diri dan orang lain sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu yang bermanfaat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan ilmu untuk kesejahteraan hidup bersama <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ilmu teknologi maklumat dan komunikasi</li> <li>- Ilmu perubatan</li> </ul> </li> <li>• Penyalahgunaan ilmu pengetahuan sains dan teknologi harus dielakkan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ciptaan senjata nuklear dan kimia</li> <li>- Penggunaan manusia / haiwan dalam ujikaji</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengamalkan kasih sayang dengan menggunakan pelbagai ilmu secara bijaksana tanpa menyalahgunakannya</li> <li>ii. Mengamalkan kasih sayang dalam kehidupan seharian.</li> </ul>	<p>Membincangkan pernyataan berikut dalam konteks penyalahgunaan ilmu pengetahuan sains dan teknologi - "Pengeboman Hiroshima dan Nagasaki telah mengorbankan banyak nyawa"</p>
<p><b>1.10 Keadilan</b></p> <p>Tindakan dan keputusan yang saksama serta tidak berat sebelah.</p>	<p><b>Pengadilan yang telus pemangkin keamanan dan keharmonian</b></p> <p>Keadilan menjamin kesejahteraan masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan pelbagai pihak dalam menjamin keadilan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sistem Kehakiman di Malaysia</li> <li>- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menerima amalan keadilan melalui sistem kehakiman negara</li> <li>ii. Bersikap adil dalam mengambil tindakan dan membuat keputusan</li> </ul>	<p>Membina carta organisasi jenis-jenis mahkamah</p> <p>Simulasi : Perbicaraan mahkamah</p>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>1.11 Rasional</b></p> <p>Boleh berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan berasaskan pertimbangan yang wajar.</p>	<p><b>Sikap rasional asas pertimbangan yang wajar</b></p> <p>Pemikiran yang matang melahirkan tindakan berhikmah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesudian memberi teguran yang membina dan bersedia menerima teguran orang lain</li> <li>• Amalan berfikir sebelum bertindak</li> </ul>	<p>Mengamalkan sikap rasional dalam setiap tindakan</p>	<p>Mengadakan perbincangan tentang kepentingan bertindak secara rasional dalam kehidupan</p> <p>Contoh : Tajuk perbincangan – “Menjejar kebendaan menyebabkan keruntuhan moral masyarakat”</p>
<p><b>1.12 Kesederhanaan</b></p> <p>Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dan tindakan sama ada dalam pemikiran, pertuturan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.</p>	<p><b>Kesederhanaan sikap yang mulia</b></p> <p>Sikap kesederhanaan dalam kehidupan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amalan kesederhanaan mengikut perspektif agama <ul style="list-style-type: none"> <li>- Islam</li> <li>- Buddha</li> <li>- Hindu</li> <li>- Kristian</li> <li>- Sikh</li> </ul> </li> </ul>	<p>Mengamalkan sikap kesederhanaan seperti yang dituntut oleh agama</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Mencari beberapa kata hikmat yang menggambarkan nilai kesederhanaan</li> <li>ii. Menyediakan poster yang menggambarkan nilai kesederhanaan bersama dengan cogan kata sesuai</li> <li>iii. Mengarang cerpen yang bertema ‘Kesederhanaan’</li> </ol>

BIDANG PEMBELAJARAN **2**

NILAI BERKAITAN DENGAN  
KEKELUARGAAN

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>2.1 Kasih Sayang terhadap Keluarga</b></p> <p>Perasaan cinta, kasih dan sayang yang mendalam dan berkekalan terhadap keluarga.</p>	<p>Budaya penyayang pegangan hidup berkeluarga</p> <p>Hari istimewa keluarga menjalin kemesraan sesama anggota keluarga</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hari istimewa keluarga diraikan bersama                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hari ibu / bapa</li> <li>- Ulang tahun perkahwinan</li> <li>- Ulang tahun kelahiran</li> <li>- Hari-hari perayaan</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Meraikan hari-hari istimewa keluarga sebagai menunjukkan kasih sayang terhadap keluarga</li> <li>ii. Menunjukkan perasaan kasih dan sayang terhadap keluarga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menulis puisi untuk menghargai jasa bakti ibu bapa</li> <li>ii. Merancang sambutan satu perayaan di kalangan anggota keluarga</li> </ul>
<p><b>2 Hormat dan Taat kepada Anggota Keluarga</b></p> <p>Memuliakan setiap anggota keluarga dengan berinteraksi dan memberi layanan secara bersopan untuk mewujudkan keluarga yang harmoni.</p>	<p><b>Amalan hormat-menghormati menghindari konflik</b></p> <p>Sikap prihatin menjamin kesejahteraan keluarga</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Saling memahami antara anggota keluarga dengan mengambil kira aspek perasaan, minat, pendapat dan perlakuan</li> </ul>	<p>Peka terhadap keperluan dan perasaan anggota keluarga</p>	<p>Syarahan / pidato tentang amalan hormat-menghormati untuk menghindari konflik di kalangan anggota keluarga</p>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>3 Mengekalkan Tradisi Kekeluargaan</b></p> <p>Menerima, menghormati dan mengamalkan sesuatu kebiasaan, adat dan kepercayaan yang diwarisi secara turun-temurun dalam keluarga.</p>	<p><b>Pengekalan tradisi kekeluargaan tanggungjawab setiap anggota keluarga</b></p> <p>Tanggungjawab setiap anggota keluarga mengekalkan tradisi keluarga</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amalan sesuatu tradisi keluarga</li> <li>• Amalan tradisi keluarga sebagai cara hidup</li> </ul>	<p>Mengamalkan tradisi keluarga dalam kehidupan seharian</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengumpul maklumat tentang tradisi kekeluargaan dan membincangkannya</li> <li>ii. Mengadakan perbincangan bertajuk 'Tradisi Kekeluargaan Bukan Penghalang Kemajuan'</li> </ul>
<p><b>2.4 Tanggungjawab terhadap Keluarga</b></p> <p>Kewajipan yang harus dilaksanakan oleh setiap individu terhadap keluarga untuk melahirkan keluarga bahagia, meningkatkan imej dan menjaga maruah keluarga.</p>	<p><b>Rumahku Syurgaku</b></p> <p>Kehidupan keluarga berkualiti tanggungjawab anggotanya</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Usaha meningkatkan dan mengekalkan suasana kehidupan keluarga yang berkualiti <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perpaduan</li> <li>- Kemesraan</li> <li>- Perkongsian masa suka dan duka</li> </ul> </li> </ul>	<p>Bertanggungjawab terhadap keluarga bagi membentuk keluarga bahagia</p>	<p>Mengumpul maklumat tentang keluarga bahagia dan menulis karangan ringkas berdasarkan hasil sumbangsaran tersebut</p>

BIDANG PEMBELAJARAN **3**

NILAI BERKAITAN DENGAN  
ALAM SEKITAR

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>5.1 Menyayangi dan Menghargai Alam Sekitar</b></p> <p>Kesedaran tentang perlunya memelihara dan memulihara alam sekeliling untuk mengekalkan keseimbangan ekosistem.</p>	<p><b>Cintai alam hargai kehidupan</b></p> <p>Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dijayakan bersama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Usaha penghutan semula</li> <li>• Usaha mengekalkan keseimbangan ekosistem                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Manusia</li> <li>- Flora dan fauna</li> </ul> </li> </ul>	<p>Melaksanakan tanggungjawab bersama dalam memelihara dan memulihara alam sekitar</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengadakan projek kitar semula</li> <li>ii. Lawatan ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) atau tempat yang berkaitan dengan penghutan semula</li> </ul>
<p><b>4 Keharmonian antara Manusia dengan Alam Sekitar</b></p> <p>Keadaan saling memerlukan hubungan yang harmonis antara manusia dengan alam sekeliling supaya kualiti kehidupan manusia dan alam sekeliling terpelihara.</p>	<p><b>Perancangan dan pengurusan sisa yang sistematik menjamin keselesaan hidup</b></p> <p>Pelupusan sisa secara terancang dan berteknologi menjamin persekitaran berkualiti</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Usaha mengurangkan penggunaan bahan sumber yang terhad</li> <li>• Usaha mengguna semula</li> <li>• Usaha mengitar semula</li> </ul>	<p>Melibatkan diri dalam penjimatan penggunaan sumber dan menguruskan sisa secara bijaksana</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengadakan lawatan sambil belajar ke satu tempat pengurusan sisa. Contoh : Logi Kumbahan; Pusat Kitaran Semula</li> <li>ii. Merancang Minggu Kitar Semula di bilik darjah / sekolah</li> </ul>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>3.3 Kemapanan Alam Sekitar</b></p> <p>Pengekalan keseimbangan alam sekeliling sebagai tanggungjawab bersama untuk kesejahteraan hidup.</p>	<p><b>Pengurusan yang berhikmah menjamin keseimbangan alam</b></p> <p>Pengurusan tanah secara berhikmah menjamin kehidupan berkualiti</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan tanah secara bertanggungjawab untuk pelbagai aktiviti                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perindustrian</li> <li>- Pertanian</li> <li>- Perlombongan</li> <li>- Petempatan</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menjaga dan menguruskan alam sekitar dengan sebaik-baiknya</p>	<p>Projek individu / berkumpulan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengenalpasti satu kawasan tanah di sekolah untuk projek pertanian</li> <li>- Melakarkan pelan pengurusan tanah tersebut</li> <li>- Membentangkan kertas kerja tentang pengurusan tanah tersebut</li> </ul>
<p><b>3.4 Peka terhadap Isu-isu Alam Sekitar</b></p> <p>Prihatin terhadap persoalan yang berkaitan dengan alam sekeliling dan berusaha menyelesaikannya.</p>	<p><b>Keseimbangan alam sekitar menjamin kesejahteraan semua hidupan</b></p> <p>Pengekalan keseimbangan alam sekitar tanggungjawab bersama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan pelbagai pihak dalam menjaga kualiti alam sekitar                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Individu</li> <li>- Agensi kerajaan (Jabatan alam Sekitar)</li> <li>- Badan bukan kerajaan (NGO) tempatan</li> <li>- Badan NGO antarabangsa (World Wide Fund for Nature Malaysia dan Green Peace)</li> </ul> </li> </ul>	<p>Melibatkan diri dengan agensi-agensi berkaitan dalam menjaga kualiti alam sekitar</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengumpul maklumat tentang peranan pelbagai agensi dalam menjaga kualiti alam sekitar dan membincangkannya</li> <li>ii. Merancang dan menjalankan aktiviti penjagaan alam sekitar di sekolah</li> </ul>

BIDANG PEMBELAJARAN 4

NILAI BERKAITAN DENGAN  
PATRIOTISME

BIDANG PEMBELAJARAN 4 : NILAI BERKAITAN DENGAN PATRIOTISME

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>4.1 Cinta akan Negara</b></p> <p>Perasaan sayang dan bangga kepada negara serta meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan diri.</p>	<p><b>Cinta akan negara membawa kemajuan</b></p> <p>Kemajuan negara kebanggaan rakyat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bangga dengan kemajuan negara dalam pelbagai bidang                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ekonomi</li> <li>- Sains dan teknologi</li> </ul> </li> </ul>	<p>Berasa bangga dan menyokong usaha pelbagai pihak bagi memajukan negara dalam pelbagai bidang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membincangkan cara-cara untuk menunjukkan rasa terima kasih kepada kerajaan kerana berusaha memajukan negara dan rakyat</li> <li>ii. Main peranan sebagai seorang delegasi perdagangan untuk mempromosikan hasil negara kepada orang luar</li> </ul>
<p><b>4.2 Taat Setia kepada Raja dan Negara</b></p> <p>Kepatuhan dan kesetiaan yang berkekalan kepada Raja dan Negara.</p>	<p><b>Sejarah negara pemangkin semangat patriotik</b></p> <p><b>Kesetiaan rakyat dalam memperjuangkan kemerdekaan dan kedaulatan negara menjadi teladan generasi kini</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjuangan anak watan menentang penaklukan penjajah                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dato' Onn bin Jaafar</li> <li>- Datuk Panglima Bukit Gantang</li> <li>- Dato' Nik Ahmad Kamil</li> <li>- Dato' Hamzah Abdullah</li> <li>- Rosli Dhobi</li> </ul> </li> <li>• Perjuangan untuk menuntut kemerdekaan negara                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pakatan murni ke London</li> </ul> </li> </ul>	<p>Patuh dan setia kepada negara sebagaimana yang ditunjukkan oleh tokoh-tokoh yang mempertahankan maruah negara</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membuat kajian kes tentang perjuangan salah seorang anak watan dalam menentang penjajah</li> <li>ii. Sketsa tentang tuntutan kemerdekaan</li> </ul>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>5 Sanguip Berkorban untuk Negara</b></p> <p>Kerelaan melakukan atau menyerahkan sesuatu termasuk nyawa sebagai tanda kebaktian untuk negara.</p>	<p><b>Rakyat setia negara gemilang</b></p> <p>Berkorban demi negara</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesanggupan rakyat berkorban untuk berbakti kepada negara             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nyawa</li> <li>- Harta benda</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menjadi rakyat yang sanggup berkorban dan berbakti untuk negara</p>	<p>Menghasilkan cerpen / esei bertema 'Pengorbanan rakyat untuk negara'</p>

BIDANG PEMBELAJARAN **5**

NILAI BERKAITAN DENGAN  
HAK ASASI MANUSIA

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>5.1 Melindungi Hak Kanak-kanak</b></p> <p>Membela, memberi naungan dan memelihara hak kanak-kanak bagi menjamin kehidupan mereka yang sempurna.</p>	<p><b>Pengiktirafan menjadi pemangkin perkembangan diri</b></p> <p>Pengiktirafan kanak-kanak dari segi bakat dan kebolehan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peringkat pengiktirafan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sekolah</li> <li>- Kebangsaan</li> </ul> </li> <li>• Bentuk-bentuk pengiktirafan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Lisan</li> <li>- Bertulis</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menyedari tentang hak mendapat layanan dan pengiktirafan yang setimpal dengan bakat dan pencapaian</p>	<p>Sumbang saran tentang jenis-jenis pengiktirafan dan layanan yang wajar diberikan kepada murid-murid atas pencapaian dan kebolehan mereka</p>
<p><b>5.2 Menghormati Hak Wanita</b></p> <p>Melindungi dan mengiktiraf wanita sebagai individu yang boleh memberi sumbangan dalam pembangunan keluarga, masyarakat dan negara.</p>	<p><b>Hak wanita diperuntukkan dalam undang-undang</b></p> <p>Dasar Wanita Negara menjana kemajuan wanita</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggubalan Dasar Wanita Negara menjamin kebajikan dan kepentingan wanita <ul style="list-style-type: none"> <li>- Di luar bandar</li> <li>- Kurang berupaya dan cacat</li> <li>- Pekerjaan</li> <li>- Keperluan kesihatan</li> <li>- Peluang pendidikan</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menyokong usaha pelbagai pihak dalam mengangkat martabat wanita</p>	<p>Kajian kes tentang usaha kerajaan dalam menjamin kebajikan dan kepentingan wanita</p>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>5.3 Melindungi Hak Pekerja</b></p> <p>Menghormati, menghargai dan mengiktiraf perkhidmatan, jasa dan sumbangan golongan pekerja dalam pembangunan negara.</p>	<p><b>Pekerja berkualiti teras kejayaan negara</b></p> <p>Usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan pekerja tanggungjawab bersama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan pelbagai pihak bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pekerja <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kementerian Sumber Manusia</li> <li>- Kesatuan Sekerja</li> <li>- Pertubuhan Buruh Antarabangsa</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menyokong usaha pelbagai pihak dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan pekerja</p>	<p>Perbincangan tentang cara meningkatkan mutu perkhidmatan pekerja</p>
<p><b>5.4 Menghormati Hak Golongan Kurang Berupaya</b></p> <p>Memberi layanan yang bersopan kepada golongan kurang berupaya supaya tidak berasa tersisih dan mengiktiraf mereka sebagai insan ciptaan Tuhan.</p>	<p><b>Golongan kurang berupaya aset negara</b></p> <p>Kecacatan tidak menghalang seseorang individu untuk berjaya</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Golongan kurang berupaya berkebolehan untuk berjaya <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tempatan / negara</li> <li>- Antarabangsa</li> </ul> </li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Menerima bahawa kecacatan bukan penghalang untuk berjaya dan menjadi terkenal</li> <li>ii. Mengiktiraf sumbangan golongan yang kurang berupaya</li> </ol>	<p>Memilih seorang individu yang tidak sempurna sifat fizikalnya tetapi berjaya dalam bidang yang diceburinya. Ceritakan pengalaman dan pencapaiannya</p>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>5.5 Melindungi Hak Pengguna</b></p> <p>Membela dan memelihara hak individu untuk menjadi pengguna yang berilmu, mendapat perkhidmatan serta barangan yang berkualiti dan tidak mudah dieksploitasi.</p>	<p><b>Pengguna penggerak kualiti perkhidmatan</b></p> <p>Hak pengguna wajar diperjuangkan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Usaha mendapatkan layanan yang adil</li> <li>• Amalan berwaspada terhadap akibat pengeksploitasian pengusaha / pengeluar</li> </ul>	<p>Membela hak pengguna untuk mendapat barangan dan perkhidmatan yang berkualiti</p>	<p>Sketsa tentang hak pengguna untuk mendapat barangan dan perkhidmatan yang berkualiti</p>

# **BIDANG PEMBELAJARAN 6**

**NILAI BERKAITAN DENGAN  
DEMOKRASI**

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>6.1 Mematuhi Peraturan dan Undang-undang</b></p> <p>Menerima dan mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditentukan tanpa mengira sesiapa dan di mana seseorang itu berada.</p>	<p><b>Penguatkuasaan undang-undang menjamin kestabilan negara</b></p> <p>Tanggungjawab rakyat mematuhi undang-undang negara</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Patuh kepada undang-undang yang diperuntukkan               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Akta Keselamatan Dalam Negeri</li> <li>- Akta Dadah Berbahaya</li> <li>- Akta Juvana</li> <li>- Akta Cukai Pendapatan</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menerima kenyataan bahawa setiap kegiatan yang mematuhi undang-undang penting untuk pembangunan dan kestabilan negara</li> <li>ii. Mematuhi undang-undang negara</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membincangkan kepentingan mematuhi peraturan pembayaran cukai pendapatan untuk pembangunan negara</li> <li>ii. Forum : Kepentingan akta dalam penguatkuasaan undang-undang.</li> </ul>
<p><b>6.2 Kebebasan Bersuara</b></p> <p>Kebebasan berucap dan mengeluarkan fikiran dengan batasan tertentu bagi menjaga keselamatan dan ketenteraman.</p>	<p><b>Kebebasan bersuara di tempat awam berasaskan adab dan peraturan</b></p> <p>Kebebasan bersuara dengan batasan menjamin ketenteraman bersama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Batasan berucap di tempat awam               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Peraturan berucap</li> <li>- Tidak menyentuh isu sensitif</li> <li>- Tidak menimbulkan huru-hara</li> </ul> </li> </ul>	<p>Mematuhi peraturan berucap di tempat awam</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Berpidato / berucap / syarahan berasaskan adab dan peraturan</li> <li>ii. Membincangkan kesan buruk 'tunjuk perasaan' berdasarkan keratan akhbar</li> </ul>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>6.3 Kebebasan Beragama</b></p> <p>Kebebasan setiap individu untuk menganuti dan mengamalkan agamanya seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia.</p>	<p><b>Memelihara kesucian tempat beribadat hak setiap penganut agama</b></p> <p>Sikap saling menghormati tempat beribadat penganut pelbagai agama mengelak prasangka kaum</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amalan menghormati tempat beribadat penganut pelbagai agama <ul style="list-style-type: none"> <li>- Masjid dan surau</li> <li>- Tokong</li> <li>- Kuil</li> <li>- Gereja</li> <li>- Wat Vihara</li> <li>- Gurdwara</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menjaga kesucian tempat beribadat agama sendiri dan menghormati tempat beribadat agama penganut lain</li> <li>ii. Menghormati anutan dan amalan agama orang lain</li> </ul>	<p>Sumbang saran tentang peraturan di tempat beribadat pelbagai agama</p>
<p><b>6.4 Penglibatan Diri dalam Pembangunan Negara</b></p> <p>Kebebasan untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti pembangunan negara dengan mematuhi peraturan, undang-undang dan Perlembagaan Malaysia.</p>	<p><b>Rakyat penyumbang ke arah pembangunan negara</b></p> <p>Kebebasan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti demi membangunkan negara</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Usaha melibatkan diri dalam aktiviti khidmat sosial <ul style="list-style-type: none"> <li>- Unit beruniform</li> <li>- Organisasi kebajikan</li> <li>- Pertubuhan sukarela</li> </ul> </li> </ul>	<p>Memberi khidmat sosial ke arah pembangunan negara demi kebaikan bersama</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Lawatan sambil belajar ke salah sebuah organisasi kebajikan Contoh : Rumah warga tua Rumah anak yatim</li> <li>ii. Membuat laporan tentang cara hidup penghuni rumah kebajikan dan memberi cadangan cara-cara orang ramai dapat membantu mereka</li> </ul>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>6.5 Sikap Keterbukaan</b></p> <p>Bersedia memberi dan menerima pandangan, pembaharuan dan kritikan selaras dengan kebenaran fakta dan norma masyarakat Malaysia.</p>	<p><b>Sikap keterbukaan menjamin hubungan yang harmonis</b></p> <p>Amalan sikap terbuka dalam hubungan dengan pelbagai pihak</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nasihat, kritikan dan teguran diberi dan diterima dengan sikap terbuka               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Anggota keluarga</li> <li>- Pihak sekolah</li> <li>- Anggota masyarakat</li> </ul> </li> </ul>	<p>Bersedia menerima nasihat, kritikan dan teguran</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Main peranan sebagai seorang yang menerima teguran / kritikan</li> <li>ii. Sumbang saran tentang kebaikan bersikap terbuka menerima nasihat / kritikan / teguran</li> </ul>

# BIDANG PEMBELAJARAN **7**

**NILAI BERKAITAN DENGAN  
KEAMANAN DAN KEHARMONIAN**

**BIDANG PEMBELAJARAN 7 : NILAI BERKAITAN DENGAN KEAMANAN DAN KEHARMONIAN**

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>7.1 Hidup Bersama Secara Aman</b></p> <p>Hidup baik-baik antara satu sama lain dengan mengutamakan kedamaian dan keharmonian hidup tanpa mengira agama, bangsa dan budaya.</p>	<p><b>Masyarakat bersatu negara makmur</b></p> <p>Perpaduan dan keharmonian negara dipikul bersama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan pelbagai pihak dalam menyatupadukan rakyat ke arah keharmonian negara                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Individu</li> <li>- Agensi kerajaan</li> <li>- Agensi Bukan kerajaan</li> </ul> </li> </ul>	<p>Turut serta dalam usaha-usaha ke arah menyatupadukan masyarakat</p>	<p>Syarahan / Pidato bertema 'Perpaduan'</p>
<p><b>7.2 Saling Membantu dan Bekerjasama</b></p> <p>Usaha yang baik dan membina yang dilakukan bersama pada peringkat individu, komuniti atau negara untuk mencapai sesuatu matlamat.</p>	<p><b>Peningkatan taraf hidup rakyat, usaha bersama</b></p> <p>Wawasan 2020 dijayakan bersama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Iltizam rakyat dalam merealisasikan Wawasan 2020                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Matlamat Wawasan 2020</li> <li>- Cabaran-cabaran Wawasan 2020</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menerima cabaran-cabaran Wawasan 2020 dan berusaha menjadikannya kenyataan</p>	<p>Membincangkan cabaran-cabaran wawasan 2020 di peringkat sekolah</p>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>7.3 Saling Menghormati antara Negara</b></p> <p>Menghargai dan memuliakan hubungan antara negara untuk menjamin kesejahteraan sejagat</p>	<p>Dasar Malaysia dihormati dunia</p> <p>Malaysia pengamal prinsip berkecuali</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar Berkecuali Malaysia dan penghormatan dunia terhadapnya               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Konsep Zon Aman, Bebas Dan Berkecuali ( ZOPFAN)</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menyokong Dasar Berkecuali Malaysia yang menghormati semua negara di dunia</p>	<p>Membincangkan sejauh mana konsep ZOPFAN boleh mewujudkan suasana yang aman dan bebas di Asia Tenggara</p>